

02/03/1997

Lion abadikan perjuangan PM

KUALA LUMPUR: Kumpulan Syarikat Lion menghadiahkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, poster berbingkai yang mengisahkan perjuangannya sejak menjadi Perdana Menteri.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menerima poster sebagai menghargai tanggungjawab beliau sebagai isteri yang sering menemani suami.

Kedua-dua poster itu disampaikan kepada Dr Siti Hasmah oleh isteri Pengerusi Kumpulan Lion, Puan Sri Chelsia Cheng, pada majlis penghargaan sempena ulang tahun ke-15 kepemimpinan Perdana Menteri di sini, semalam.

Poster kepada Dr Mahathir berukuran 1.5 x 0.9 meter dikelilingi rangka besi seberat 100 kilogram dan bertajuk 'Kami bangga menjadi rakyat Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad'.

Pada poster itu tertera keratan akhbar mengenai kegigihan Dr Mahathir memajukan Malaysia sejak menjadi Perdana Menteri pada 1981.

Pada poster itu terdapat perutusan serta tandatangan kakitangan kumpulan Lion.

Dr Siti Hasmah turut menerima perutusan dan tandatangan dalam posternya yang menunjukkan keratan akhbar mengenai tanggungjawab beliau sebagai isteri Perdana Menteri sejak 1981.

Siti Hasmah dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kumpulan Lion dan semua pekerjanya kerana menghargai kepemimpinan Perdana Menteri dan beliau.

(END)